

Penduduk desak sedia pakar

Sistem saliran tidak sempurna punca banjir kilat Rancangan Tanah Belia

RANCANGAN TANAH BELIA - Banjir kilat yang melanda beberapa kawasan Kuala Langat termasuk kawasan Rancangan Tanah Belia, di sini, didakwa berpunca daripada sistem saliran tidak sempurna.

Penduduk, Sayuti Nizam, 50, berkata, pihak bertanggungjawab perlu menyediakan pakar untuk mengkaji sistem saliran sedia ada bagi menangani banjir kilat memandangkan kawasan Rancangan Tanah Belia semakin pesat membangun selain berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Penduduk menjadi mangsa setiap kali air turun daripada kawasan tersebut sehingga menyebabkan banjir kilat.

"Sistem saliran sedia ada juga sudah tidak sesuai dan perlu dinaiktaraf bagi memudahkan aliran air ke longkang utama," katanya.

Sementara itu, kakitangan swasta, Khadijah Sahar, 28, berkata, ke-



Antara rumah penduduk yang dinaiki air dalam banjir kilat dipercayai berpunca daripada sistem saliran tidak sempurna. Gambar kecil: Mohamed Yasid.

adaan banjir kilat yang kerap berlaku perlu diberikan perhatian pihak bertanggungjawab.

"Saya bernasib baik apabila ru-

mah berada di kawasan tinggi dan terselamat daripada banjir kilat, namun melihatkan kawasan kejiranan berhampiran yang dinaiki air, saya

dapat rasai kepayahan mereka.

"Selain itu, mereka juga terpaksa meletakkan kenderaan dekat rumah saya bagi mengelakkan kerosakan di-

sebabkan banjir," katanya.

Menurut Khadijah, banjir kilat yang berlaku itu terburuk pernah berlaku sepanjang dia tinggal di kejiranan berkenaan.

"Banjir kilat berlaku bukan sehari dua, tetapi sudah lebih seminggu dan pihak bertanggungjawab perlu ambil tindakan berkesan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan terbaru, Pegawai Daerah Kuala Langat, Mohamed Yasid Bidin berkata, pusat perpindahan sementara Kebun Baru ditutup selepas 12 mangsa banjir kembali ke rumah masing-masing pada jam 2 petang, semalam.

"Banjir mulai surut, namun kita tidak dapat memberi jaminan kerana ia bergantung kepada hujan di Hulu Sungai Langat.

"Kita juga difahamkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengepam air keluar ke Sungai Langat bagi membantu mengurangkan air di Bukit Changgang," katanya.